

TEKS UCAPAN
YB. SENATOR DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER
SEMPENA PELANCARAN BUKU “ALAGE THAMILE”
SMK RAWANG TAHUN 2016

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam sejahtera, Salam sehati sejiwa, Salam 1Malaysia.

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia,

En. Mohamed Saufi Bin Shafie,

YDP PIBG SMK Rawang;

Yang Dihormati,

Pegawai-pegawai dari Pejabat Pelajaran Daerah Gombak;

Yang Dihormati,

Barisan Pentadbir SMK Rawang;

Yang Dihormati,

Barisan Kepimpinan PIBG Sekolah-sekolah Daerah Gombak;

Dif-dif Jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi berkat limpah kurnia dan rahmat daripada-Nya, saya memanjatkan nikmat kesyukuran kerana dijemput sebagai perasmi dalam satu majlis ilmu iaitu Pelancaran Buku Alage Thamile hasil usaha dan cetusan idea oleh Persatuan Bahasa Tamil SMK Rawang.

Sesungguhnya kehadiran Tuan-Puan pada petang ini membuktikan sokongan Tuan-Puan terhadap objektif pelancaran buku ini iaitu membudayakan penulisan kreatif dalam kalangan generasi muda.

Terlebih dahulu, ingin saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak sekolah terutamanya jawatankuasa Pelancaran Buku Alage Thamile yang telah bertungkus-lumus memberikan komitmen yang padu, saling bekerjasama dan bermuafakat sehingga majlis pada hari ini dapat dijayakan. Saya merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak sekolah atas usaha gigih sehingga berjaya menerbitkan buku yang jarang-jarang dilakukan oleh sekolah lain.

Hadirin yang dihormati,

Saya percaya dengan pelancaran buku ini akan melahirkan generasi muda baru yang akan berjaya dan mencintai ilmu serta turut memberi manfaat kepada orang lain. Dalam era ledakan teknologi maklumat yang turut diwarnai dengan gajet-gajet canggih serta bahan bacaan yang hanya boleh diakses di hujung jari, minat menulis atau membaca buku-buku dalam kalangan masyarakat di negara ini seolah-olah semakin jauh ditinggalkan. Oleh itu, saya melihat usaha yang dilakukan oleh Persatuan Bahasa di sekolah ini menerbit dan melancarkan buku sebagai satu wahana yang patut mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada semua pihak.

Hadirin yang dihormati,

Insan yang berbudaya membaca merupakan manusia yang berilmu. Minat membaca berkait rapat dengan budaya ilmu kerana minat ini mampu melonjakkan pembangunan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat majmuk Malaysia yang berorientasikan sains dan teknologi.

Pepatah juga ada mengatakan bahawa "Membaca Jambatan Ilmu". Maka wajarlah amalan membaca dijadikan suatu budaya dalam kehidupan masyarakat kita. Budaya ini pula tidak seharusnya terbatas di sekolah, kolej atau university semata-mata tetapi juga patut dikembangluaskan dalam setiap inci kehidupan

masyarakat. Hal ini penting agar masyarakat akan dapat menimba, menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman agar mereka tidak ketinggalan dalam arus kemajuan dan pembangunan global.

Hadirin sekalian,

Sesungguhnya seseorang individu atau sesuatu bangsa yang mempunyai kekuasaan atau kejayaan dalam sesuatu bidang tidak akan berdaya tahan sekiranya mereka ketandusan atau kemunduran dalam buana ilmu yang bermutu dan mutakhir. Malah, masyarakat yang ketinggalan atau mengabaikan budaya ilmu akan bergantung harap kepada orang atau bangsa lain yang berilmu dan cendekiawan sehingga mereka seolah-olah merempat di bumi sendiri.

Kita sudah tentu tidak mahu melihat fenomena ini menjadi barah dalam kehidupan masyarakat di negara kita. Budaya membaca dan ilmu yang terpinggir sudah tentu akan menjadikan kita sebuah masyarakat yang jumud, yang tidak mampu mengeluarkan pemikiran yang kreatif dan kesannya sudah tentu akan membantutkan proses pembangunan sesebuah negara.

Hadirin sekalian,

Menyedari akan hakikat inilah, maka setiap individu memainkan peranan yang proaktif dalam melahirkan sebuah masyarakat yang mencintai ilmu, mempunyai kesungguhan untuk meneroka dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi. Maka pihak sekolahlah peranan ini perlu dipikul. Antaranya ialah program-program seperti yang telah dijalankan oleh persatuan-persatuan Bahasa di sekolah ini seperti penulisan buku yang telah diusahakan oleh Persatuan Bahasa Tamil SMK Rawang. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan syabas serta tahniah atas daya usaha pihak sekolah dan Unit Bahasa kerana mampu menulis serta menerbitkan karya-karya pelajar. Saya difahamkan bukan sahaja Persatuan Bahasa Tamil malah Panitia Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekolah ini turut menerbitkan buku hasil karya para pelajar dan guru-gurunya. Sesungguhnya penerbitan seperti ini mampu menjadi penggerak kepada minatnya membaca dan meneroka ilmu dalam diri setiap individu kerana seseorang yang ingin mencipta

sesebuah karya memerlukan mereka menguasai dan meneroka sesuatu ilmu untuk dijadikan bahan atau modal dalam penulisan mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya turut mengambil kesempatan untuk menyeru agar barisan kepimpinan PIBG dan para ibu bapa pelajar-pelajar SMK Rawang akan sentiasa bersedia memberikan sokongan moral dan apa-apa sahaja bantuan yang diperlukan kepada setiap sekolah demi memastikan setiap program sekolah sama ada program pembangunan akademik, program ko-kurikulum mahupun program peningkatan modal insan pelajar dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pastikan segala kemudahan dalam menjayakan segala aktiviti sekolah lengkap dengan tahap keselamatan yang tinggi untuk kemudahan anak-anak pelajar kita.

Semoga usaha tenaga dan idea, permuafakatan dan rundingan antara PIBG dengan pihak sekolah akan memperkukuhkan semangat kerjasama antara ibu bapa dengan guru-guru ke arah kebaikan demi melahirkan anak-anak yang berjaya dan cemerlang agar dapat menyambung generasi harapan negara. Tanamkan dalam minda pepatah Melayu yang mengatakan bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. PIBG hendaklah sentiasa bersatu hati, bulatkan tekad dalam membantu segala proses pembangunan sekolah kerana PIBG juga memainkan peranan utama dalam membentuk murid dengan cara membantu mencorakkan anak-anak bangsa agar menjadikan mereka anak-anak yang cemerlang, insan yang kamil dan sempurna dan tinggi budi pekertinya, serta luhur keperibadiannya sejajar dengan hasrat pendidikan negara melahirkan modal insan sempurna berminda kelas pertama yang mampu memacu pembangunan negara pada masa akan datang.

Hadirin sekalian,

Saya turut ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada guru-guru pembimbing yang menjadi penggerak kepada penulisan hasil karya pelajar-pelajar ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru-guru saya percaya proses

menghasilkan karya ini tidak dapat disempurnakan. Guru-guru pembimbinglah yang menjadi pelopor dalam menjana hasil karya pelajar. Syabas dan tahniah cikgu!

Hadirin sekalian,

Kepada anak-anak pelajar yang menghasilkan karya, saya ingin mengucapkan penghargaan serta tahniah atas bakat penulisan dan usaha jerih anda. Tahniah kepada anak-anak yang berjaya menghasilkan karya-karya ini. Buktikan bahawa kebolehan anda dalam bidang penulisan ini sebagai titik permulaan untuk anda semua menuju puncak kegemilangan pada masa-masa akan datang.

Sememangnya proses penghasilan sesebuah karya memerlukan komitmen, daya fikir yang kreatif serta ketinggian ilmu. Hanya individu yang mempunyai bakat dan minat sahaja yang mampu menghasilkannya. Teruskanlah minat dalam penulisan anda kerana bidang penulisan menjanjikan kepuasan dan sumber pendapatan kepada seseorang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai individu yang mementingkan pendidikan anak-anak di bumi kita yang tercinta ini, saya amat berbesar hati dapat menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh pihak sekolah. Hal ini kerana pendidikan merupakan elemen penting dalam memastikan kelangsungan sebuah bangsa yang berilmu dan berjati diri unggul. Maka, dengan rasa kesyukuran atas nikmat yang dilimpahkan, saya ingin memberikan sumbangan sebanyak RM15 000 untuk penerbitan buku. Diharap sumbangan ini dapat membantu sekolah melaksanakan program-program dengan lebih efisien demi melahirkan anak-anak yang cemerlang.

Akhir kata,

Sekalung penghargaan kepada pihak sekolah, terutamanya Persatuan Bahasa Tamil serta Jabatan Bahasa SMK Rawang, yang telah berjaya membentuk pelajar-pelajar yang mampu menonjolkan bakat tersendiri dalam bidang penulisan.

Begitu juga PIBG yang sentiasa memberikan sokongan dan komitmen padu dalam memastikan matlamat Falsafah Pendidikan Negara tercapai. Moga usaha semua pihak ini dalam memartabatkan sistem pendidikan negara akan tercapai sekaligus mampu melahirkan generasi bakal pewaris negara yang mencapai tahap intelek yang tinggi serta berjiwa mapan dan tidak kental dalam mengharungi cabaran-cabaran global.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,

Saya merasmikan Majlis Pelancaran Buku "Alage Thamile" SMK Rawang tahun 2016.

Sekian, terima kasih.